UNIT 10

TEMA 4: PERPADUAN

Toleransi Kukuhkan Perpaduan

Aktiviti 1

Bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat.

Mari Kita Sertai

Kursus Penciptaan Pantun

Tarikh: 16 Jun 20□□
Masa: 2:30 petang hingga 5:00 petang
Tempat: Makmal Komputer, SK Perdana
Anjuran: Persatuan Bahasa Melayu, SK Perdana

- Terbuka kepada semua murid Tahun 3.
- Kursus penciptaan pantun akan disampaikan oleh Cikgu Zainal bin Ismail.
- Murid yang berminat, sila hubungi Cikgu Suhaila binti Johan.

Imran berjumpa dengan rakan-rakannya.

Imran: Rakan-rakan, saya mendapat maklumat tentang Kursus Penciptaan Pantun.
Kiran: Wah, menariknya! Pantun ialah budaya orang Melayu yang cukup diminati oleh semua kaum di Malaysia. Bilakah _____ _____?
Imran: Kursus Penciptaan Pantun akan diadakan _____.
Li Kiang: Siapakah _____?
Imran: Cikgu Zainal yang akan mengajarkan kursus ini.
Epis: _____?
Imran: Kamu perlu menghubungi Cikgu Suhaila untuk mendaftar.
Epis: Kiran, adakah kamu berminat untuk menyertainya?
Kiran: _____
Imran: Mengapakah kamu ingin menyertainya?
Li Kiang: _____
Bagaimanakah pula dengan kamu, Imran? Kamu hendak menyertainya?
Imran: Ya, saya dan Kiran akan menyertainya. Kursus ini sangat berfaedah kerana dapat memupuk semangat perpaduan antara kita.

Kata Guru

- Minta murid melengkapkan maklumat yang diperoleh dalam ayat.

BT1: 62
1.2.3

LIVEWORKSHEETS